



BULETIN PREMIER

PENERAJU ILMU SEJAGAT

www.pis.edu.my

EDISI 1 / 2013 • ISSN 2232-0008

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH RAJA ZARITH SOFIAH DI PERSADA JOHOR

Disediakan oleh: Baniamin bin Abu Bakar



Trofi bagi Anugerah Utama Raja Zarith Sofiah

Tanggal 10 Januari 2013, bertempat di Pusat Konvensyen Persada Johor, telah berlangsungnya majlis Pelancaran Raja Zarith Sofiah Awards dengan penuh gilang gemilang. Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh ramai tetamu kehormat yang terdiri daripada wakil-wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), jabatan-jabatan kerajaan, pusat-pusat pengajian, sekolah-sekolah dan pihak media. Antara yang hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Ab Rahim Md Noor, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Hj Mohlis Jaafar dan isteri Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan Johor, Datin Hajah Noriah binti Ekhsan.

Pendaftaran wakil media dan tetamu jemputan bermula pada jam 10.00 pagi manakala majlis telah dimulakan secara rasminya pada jam 11.00 pagi setelah keberangkatan tiba DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah mencemar duli. Tirai majlis telah dibuka dengan bacaan doa oleh Sohibus Samahah Dato' Hj. Shangari @ Sha'ari bin Abdullah, Timbalan Mufti Negeri Johor. Majlis diteruskan dengan sembah hormat teks ucapan Yang Berusaha Mejar (K) Haji Md. Nor bin Yusof, Ketua Pengarah Politeknik yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (operasi), Datuk Haji Mohlis bin Jaafar. Antara intipati teks ucapan ucapan Yang Berusaha Tuan Ketua Pengarah Politeknik adalah tentang pengenalan dan hala tuju jangka panjang Raja Zarith Sofiah Awards.

Majlis diteruskan pula dengan titah pelancaran oleh DYMM Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah. Titah baginda banyak berkisar kepada harapan agar "Raja Zarith Sofiah Awards" dapat dijadikan acara tahunan dan semoga penyertaan melalui pertandingan yang dianjurkan dapat diperluaskan sehingga ke peringkat

antarabangsa. Kemuncak majlis pelancaran Raja Zarith Sofiah Awards adalah penyempurnaan gimik pelancaran oleh DYMM Raja Zarith Sofiah. Gimik pelancaran tersebut telah berjaya menarik perhatian para tetamu yang hadir dengan mempamerkan unsur-unsur kreatif dengan nilai estetika bercirikan Malaysia.

Sebaik sahaja berakhirnya majlis pelancaran, DYMM dan dif-dif kehormat telah dibawa melawat ke tapak pameran hasil-hasil kreatif yang telah dihasilkan oleh para pelajar dan peserta yang terlibat dalam mempamerkan karya-karya seni mereka. Sesi sidang akhbar bersama pihak media merupakan penutup acara majlis pelancaran Anugerah Raja Zarith Sofiah. Sesi sidang akhbar tersebut telah dilaksanakan sebaik sahaja DYMM Raja Zarith Sofiah beserta dengan dif-dif kehormat melawat tapak pameran.

Majlis Pelancaran Anugerah Raja Zarith Sofiah telah berjaya dilaksanakan dengan penuh jayanya serta mendapat banyak pujian di kalangan para jemputan. Pihak urusetia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam memastikan majlis pelancaran Raja Zarith Sofiah Awards dapat dilaksanakan dengan jayanya.



DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah menerima potret baginda sebagai cenderahati

KANDUNGAN:

POLY AGRO : KEUSAHAWANAN PERTANIAN DALAM DIMENSI PIS	2
PROGRAM KEMBARA BAHASA 2012	3
MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT BEKERJASAMA DI ANTARA PIS DAN AKADEMI BINAAN MALAY- SIA	4
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH RAJA ZARITH SOFIAH	5
PESERTA KUMPULAN KONVENSYEN KIK PERINGKAT PIS	5
PERTANDINGAN CHEF JUNIOR DI KARNIVAL KOMUNITI SAUJANA IMPIAN	6
PIS TERIMA 90 BATANG POKOK SUMBANGAN JPNJ	8
KURSUS PENTAULIAHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL 1CITIZEN - KPT ZON SELATAN	8

POLY AGRO : KEUSAHAWANAN PERTANIAN DALAM DIMENSI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Disediakan oleh: Aina Haslinda binti Anuar

Tahun 2012 sudah berlalu, maka genaplah setahun projek penanaman cili secara fertigasi dijalankan dengan jayanya. Sebanyak dua ribu pokok cili centil ditanam di dalam polibag. Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah menyediakan satu platform keusahawanan "pertanian adalah perniagaan" sebagai nilai tambah kepada pelajar, alumni dan staf.

Warga PIS diberi pendedahan dan pengalaman untuk menjalankan aktiviti penanaman cili centil sehingga mendapat hasil. Aktiviti keusahawanan iaitu menjual cili centil di dalam dan di luar politeknik telah berjaya dilaksanakan. Projek ini telah memberi sumber pendapatan kepada pelajar dan beberapa orang ibu tunggal yang tinggal berdekatan dengan politeknik apabila mereka memetik cili.

Pelanggan tetap yang membeli cili centil ini terdiri daripada warga PIS, peniaga pasar malam dan restoran di sekitar Pasir Gudang, Kipmart Masai, UTM Skudai dan Kota Tinggi.



Peserta Polyagro menuai hasil cili centil

Hal ini adalah satu permulaan yang baik kerana cili ini mendapat sambutan walaupun pada awal penanamannya, ada pihak yang ragu-ragu dengan projek yang dijalankan. Terdapat pelbagai pengalaman pahit dan manis sepanjang proses penanaman dan penjualan cili. Namun begitu, pasukan PolyAgro tetap bersemangat untuk meneruskan perjuangan menanam cili pada tahun 2013.

Pada 23 November sehingga 2 Disember 2012, pihak PolyAgro telah diberi peluang menyertai Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) 2012 di MAEPS Serdang. Staf-staf dan pelajar-pelajar yang

terlibat telah memberi komitmen yang tinggi untuk menjalankan perniagaan dan pameran selama sepuluh hari. Di antara produk jualan yang dibawa ialah pokok cili centil dan produk makanan. Para pelajar telah diberi pendedahan tentang pembudayaan keusahawanan.

Ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan PIS, semua warga politeknik dan pelanggan yang telah memberi sokongan padu terhadap penanaman dan penjualan cili centil produk keluaran PIS. Diharapkan agar lebih ramai warga politeknik berminat untuk terlibat dengan



Hasil cili centil yang dituai siap sedia untuk dipasarkan

PIS 'CHALLENGE WITH NEWSPAPERS' WITH THE SCHOOLS

Disediakan oleh: Parahsakthi A/P Chidambaram

'CHALLENGE WITH NEWSPAPERS' programme was carried out in two schools, namely Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam (Satellite School) and Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai 2 simultaneously on 24 November 2012. This programme incorporated students' assessments, with the creation of original fun learning activities with community service. Twenty-five semester three students who were the facilitators, carried out the programme for about a hundred students in each school. The New Straits Times Press (KL) provided the newspapers to be used for the programme.

The objectives of this programme were to provide a platform to raise the



One of the activity in group

participants' confidence level and to instill the neighbourhood spirit and bridge the gap between polytechnic and the community in Pasir Gudang. In SMK Bandar Seri Alam, Ms. Parahsakthi Chidambaram gave a speech on behalf of the Language Unit, followed by the Principal Tn. Hj. Yahaya b. Suip and Pn. Hj. Fatimah bt. Ahmad, Pasir Gudang District

Education Officer who declared the event open. In SMK Kota Masai 2, Ms. Yang Wan Ling gave a speech followed by the Deputy Administrative Officer Pn. Norhayati Abd. Kadir who declared the event open.

The facilitators expanded their knowledge and gained experience while carrying out the activities well. The participants were active and enjoyed themselves. They found the activities fun and interesting. The winners were delighted to receive hampers (which were provided by the schools) as prizes and souvenirs were provided by the Language Unit, Politeknik Ibrahim Sultan.

Overall, the programme "Challenge With newspapers" was a success and it is hoped that the PIS students will find English fun and improve their English language skills and develop leadership skills too, as it will help them and the community in future.



Participants photographed with members of the committee

PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN KOLABORASI JABATAN PENGAJIAN DI POLITEKNIK (JPP) DAN ERICSSON (M) SDN BHD

Disediakan oleh: Zuraida binti Osman

Pada 29 November hingga 3 Disember 2012, satu Program Kebolehpasaran Graduan Kolaborasi Jabatan Pengajian di Politeknik (JPP) dengan kerjasama syarikat Ericsson (M) Sdn Bhd telah berlangsung dengan jayanya. Program ini mengandungi 2 kursus iaitu kursus persediaan dan kursus latihan praktikal (hands-on).

Kursus persediaan (teori) telah dijalankan di Politeknik Ibrahim Sultan pada 29 November sehingga 3 Disember 2012 bertempat di Dewan Kuliah JKE. Seramai 33 orang pelajar semester akhir program Diploma Kejuruteraan Elektrik telah hadir dengan jayanya. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh En. Mohd Fairuz bin Salleh dan En. Mohamed Rizuan bin Mohamed Noah.



Pelajar bergambar kenangan di Sony Ericsson



Pelajar melihat demonstrasi yang dilakukan

Kumpulan pelajar yang diiringi oleh Pn. Zuraida binti Osman dan Pn. Norli binti Jaswadi telah dihantar untuk menjalani latihan praktikal (Hands-on) bermula 5 hingga 6 Disember 2012 bertempat di Ericsson, Cyberjaya. Latihan praktikal ini merangkumi 4 sesi iaitu sesi Broadband, Radio Acces Network, Antenna System dan Network End to End di mana para pelajar berpeluang untuk mengendalikan peralatan sebenar yang digunakan oleh Syarikat Ericsson (M) Sdn Bhd.

Diharapkan dengan wujudnya program kerjasama bersama pihak industri, graduan politeknik dapat memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang kursus ini.

PROGRAM KEMBARA BAHASA 2012

Disediakan oleh: Yeow Chee Kheong

Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2012, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan program "Kembara Bahasa 2012". Sebagai satu kegiatan simbolik untuk merakamkan bahasa dan sastera, peserta Kembara Bahasa dari seluruh negara telah berkonvoi melalui laluan selatan, utara, timur, tengah serta di Sabah dan Sarawak.

Pada 20 hingga 24 November 2012 yang lalu, empat orang pensyarah dari Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), iaitu Noor Azeelia Abdul Manan, Siti Faedah Ahmad Sazali, Mohd. Rafiq Mujilan dan Yeow Chee Kheong telah terpilih untuk mengikuti program ini. Seramai 800 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program ini. Sewaktu berkonvoi, peserta program turut singgah di beberapa stesen untuk menjalankan beberapa kegiatan yang melibatkan masyarakat setempat seperti pantau tegur bahasa di tempat awam, tinjauan keindahan bahasa sepanjang perjalanan, baca puisi, dialog bahasa dan sastera, ceramah patriotisme oleh Biro Tatanegara dan riadah bersama-sama dengan masyarakat setempat. Pelepasan konvoi dilaksanakan di setiap negeri oleh pembesar negeri.



Peserta-peserta yang menyertai Kembara Bahasa 2012 begambar kenangan di Dataran Putrajaya

Kemuncak Kembara Bahasa berlangsung pada malam 24 November 2012 dengan himpunan para peserta kembara daripada pelbagai golongan kerjaya, usia dan keturunan dalam Majlis Teguh Bahasa yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Y.B. Dr. Mohd Puad Zarkashi. Perhimpunan ini turut disertai oleh peserta kembara dari negara Singapura. Dalam perhimpunan ini, para peserta telah melafazkan ikrar mereka untuk memperjuangkan bahasa dan sastera kebangsaan. Program tahunan yang julung-julung kali diadakan pada tahun 2000 adalah sebagai salah satu pengisian Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) bertahan sehingga 2005. Mulai tahun ini, program itu diberi nafas baru untuk mengisi Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK).

PROGRAM PEMANTAPAN SAHSIAH ANJURAN BERSAMA JPH DAN JHEP KERJASAMA DENGAN JABATAN AGAMA JOHOR (JAJ)

Disediakan oleh: Halimah Tusa'diah binti Paimon

Pada 31 Disember 2012 yang lalu, telah berlangsung Program Pemantapan Sahsiah "Risalah 3.5" bertempat di Dewan Serbaguna Politeknik Ibrahim Sultan (PIS). Program anjuran bersama oleh Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan kerjasama Jabatan Agama Johor (JAJ) ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Azizi bin Lin iaitu Pengarah PIS. Penceramah bagi program sehari ini ialah Tuan Haji Mazlan bin Mohamad Ghouth. Para peserta terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Hotel Katering(DHK) semester 5 dan Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) semester 5 dan pelajar Khas Hotel Katering (KHK) semester 4.

Program pemantapan sahsiah yang dijalankan ini bertajuk 'Risalah 3.5' adalah berdasarkan ayat al-Quran yang dipetik daripada surah An-Nur



Tuan Haji Mazlan bin Mohamad Ghouth selaku penceramah

Antara pelajar yang hadir mengikuti program

ayat 30 hingga 35. Antara isi kandungan ayat yang dapat disimpulkan adalah tentang peraturan menutup aurat yang diwajibkan ke atas wanita serta akhlak yang baik yang dianjurkan oleh Islam. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memantapkan akhlak dan sahsiah para pelajar yang baru menamatkan latihan industri.

Melalui program ini diharapkan para pelajar dapat memantapkan jatidiri masing-masing bagi menghadapi cabaran hidup sebagai remaja yang bertatasusila. Gejala

sosial yang tidak terkawal mungkin berlaku jika para pelajar tidak dapat mengawal diri sendiri. Program ini juga bertepatan dengan hasrat politeknik yang ingin melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga cemerlang dari segi akhlaknya.

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT HASRAT BEKERJASAMA DI ANTARA POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN DAN AKADEMI BINAAN MALAYSIA

Disediakan oleh: Nor'Ashikin binti Mohd Nasir / Mohamed Rizuan bin Mohamed Noah

Pada 2 Januari 2013, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mengadakan satu Majlis Menandatangani Surat Hasrat Bekerjasama di antara PIS dengan Akademi Binaan Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah PIS, Tn. Hj. Azizi bin Lin, Timbalan Pengarah Akademik, Tn Hj Sahul Hamed bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Operasi, En Supian bin Musa, Ketua Jabatan JKE, Puan Hj Normala binti Abdullah, Dr. Kamarudin bin Md. Tahir, delegasi dari Akademi Binaan Malaysia dan ketua-ketua jabatan serta ketua unit dan tidak ketinggalan Jawatankuasa Kolaborasi JKE. Majlis ini diterajui oleh Puan Nor'Ashikin binti Mohd Nasir serta Jawatankuasa Kolaborasi JKE.

Fokus utama majlis ini adalah untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak industri atau agensi yang berpotensi dalam menjadikan politeknik sebagai institusi yang mampu melahirkan

graduan yang berkebolehpasaran di Malaysia. Majlis Menandatangani Surat Hasrat ini akan diteruskan lagi pada 14 Januari 2013 di mana JKE sekali lagi mengadakan majlis menandatangani surat hasrat antara PIS dengan Persatuan Solar Bumiputra Malaysia.

Selepas majlis menandatangani ini berlangsung, delegasi dari Persatuan Solar Bumiputra Malaysia telah dibawa ke JKE bagi memberi sedikit taklimat kepada para pelajar mengenai 'Renewable Energy'. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan Majlis Menandatangani Surat Hasrat ini. Semoga majlis ini akan memberi banyak impak yang positif kepada seluruh warga JKE dan warga PIS.



Penyerahan surat hasrat bekerjasama antara kedua-dua pihak



Tn Hj Azizi bin Lin bersama En. Supian bin Musa menandatangani surat hasrat sambil diperhatikan oleh Tn. Hj Sahul Hamed bin Hj. Abdul Wahab

SEKITAR MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH RAJA ZARITH SOFIAH



KUMPULAN YANG MENYERTAI KONVENSYEN KIK PERINGKAT PIS



Kumpulan **GI10** dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual



Kumpulan **GENKRENO** dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Kumpulan **Diamond** dari Jabatan Pengajian Am



Kumpulan **CMC United** dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Kumpulan **FBI** dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer



Kumpulan **Ex8** dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Kumpulan **JKE One** dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik



Kumpulan **KIV** dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

PERTANDINGAN CHEF JUNIOR DI KARNIVAL KOMUNITI SAUJANA IMPIAN KAJANG

Disediakan oleh: Noorsabrina M Salbi / Hanis Atikah Hashim

Pada 24-27 Januari 2013, "Pertandingan Chef Junior" telah berlangsung di Karnival Komuniti Saujana Impian Kajang, Selangor. Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah menyertai dua kategori iaitu pertandingan Fruits Carving dan pertandingan memasak bertemakan "Etnik Malaysia". Tiga orang pelajar Diploma Pengurusan Hotel dan Katering telah menyertai pertandingan tersebut. 2 orang daripada mereka adalah peserta dalam pertandingan Fruits Carving dan seorang lagi peserta dalam pertandingan memasak. Pelajar diiringi 2 orang pensyarah iaitu Cik Hanis Atikah binti Hashim dan Cik Noorsabrina binti M Salbi.

Melalui pertandingan ini, para pelajar mendapat pendedahan mengenai cara pengurusan sewaktu menyertai pertandingan. Dengan ini, mereka dapat memupuk semangat kerjasama di antara ahli dan mempertingkatkan lagi cara kerja



Finalist Pertandingan memasak bertemakan Etnik Malaysia terdiri daripada pelajar Kolej PTPL, Kolej Taylor's dan PIS

berpasukan. Di samping itu, pertandingan ini dapat memupuk keyakinan diri pelajar untuk berhadapan dengan cabaran dan cara untuk mengendalikan pengurusan stres sewaktu pertandingan. Selain itu, pelajar juga dapat mempelajari teknik-teknik yang berguna dalam ilmu seni kulinari untuk pembangunan kemahiran diri. Pertandingan seperti ini dapat menarik pelajar untuk menceburi bidang seni kulinari pada masa akan datang dan dapat menonjolkan kemampuan Politeknik Ibrahim

Sultan dalam melahirkan graduan yang berkebolehan.

Di akhir pertandingan ini, Muhammad Asyraf bin Jamil telah dinobatkan sebagai Johan bagi kategori Hot Cooking manakala Mohd Faiz bin Abdul Samad dan Muhamad Irfan bin Ismail berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Fruits Carving. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.



Pertandingan Fruits Carving

JMSK & JKE MENANG EMAS KONVENSYEN KIK

Disediakan oleh: Norihan binti Mahmood

Dewan Kuliah Utama, 31 Jan - Kumpulan FBI dan JKE ONE muncul sebagai pemenang anugerah emas dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) kali pertama yang berlangsung selama satu hari di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran Konvensyen KIK PIS kali pertama, Puan Hj Siti Zunariah berkata, kumpulan FBI yang disertai pensyarah Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) itu menang Anugerah Emas manakala kumpulan JKE ONE yang terdiri daripada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) pula telah memenangi dua anugerah utama iaitu Anugerah Emas dan Projek Harapan Konvensyen KIK 2013. JMSK turut memenangi satu lagi anugerah iaitu Anugerah Fasilitator Terbaik yang disandang oleh pensyarah Norihan binti Mahmood.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik (TPA) PIS, Tuan Haji Sahul Hamed bin Abdul Hamed. Semua kumpulan yang bertanding berjaya membawa pulang hadiah berupa piala,



Kumpulan KIV sedang membuat pembentangan



Para juri dari MPC sedang memberi komen kepada peserta

medal dan sijil sebagai mengiktiraf kejayaan projek serta inovasi mereka. Tiga kumpulan telah memenangi anugerah perak iaitu kumpulan Gi10, kumpulan EX8 dan kumpulan KIV. Manakala anugerah gangsa dimenangi oleh kumpulan GENKRENO, kumpulan DIAMOND dan kumpulan CLIC UNITED.

Sebanyak lapan kumpulan KIK dari semua jabatan di PIS iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual (JRKV) dan Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH) bertanding dengan mengemukakan produk serta inovasi yang akan memberi manfaat kepada organisasi dan aktiviti harian.

Semoga dengan adanya konvensyen seperti ini dapat menarik lebih banyak lagi kumpulan KIK yang lain untuk menghasilkan projek-projek inovasi dan kreatif selaras dengan hasrat murni konvensyen ini yang bertujuan untuk mengiktiraf hasil penat lelah semua kumpulan KIK.

PIS TERIMA 90 BATANG POKOK SUMBANGAN JPNJ

Disediakan oleh: Umi Kalthom binti Ramin



Antara Pokok yang Berjaya di tanam di PIS



Proses Penanaman Semula di PIS



Bergambar kenangan di Suaka Burung Panti antara JK Ecotrail PIS bersama Pengarah JPNJ, Tn Hj Yahaya Bin Mohamood (3 dari kanan) dan Timbalan Pengarah JPNJ, Encik Mohd Rahim Bin Rani (2 dari kanan)

Hasil jalinan kerjasama (NoU) di antara PIS dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), bermula 1 hingga 14 Januari 2013 kerja-kerja penanaman semula pokok hutan telah dilaksanakan. Sebanyak 90 batang pokok-pokok antaranya adalah seperti spesies Penaga Lilin (*Messua Ferrea*), Kelat Merah (*Syzygium*), Bunga Tanjung (*Mimusops Elergi*) dan Kayu Manis (*Cinnamom Verum*) telah ditanam semula di sekitar kawasan PIS terutamanya di kawasan Ekotrail. Pokok-pokok ini kebanyakannya setinggi 8 hingga 10 meter dan telah berusia kira-kira 6 hingga 7 tahun di bawah jagaan JPNJ. Pokok-pokok yang disumbangkan dianggarkan berharga RM500 hingga RM800 sepokok. Pokok-pokok ini perlu dipindahkan dari Panti Bird Sanctuary, Kota Tinggi kerana kawasan berkenaan terlibat dengan pembangunan kemudahan fasiliti bagi pengunjung dan pencinta-pencinta burung.

Pihak PIS sangat berbesar hati dengan sumbangan tersebut memandangkan kawasan sekeliling PIS masih perlu dihijaukan bagi meningkatkan kualiti udara dan persekitarannya. Beberapa siri pertemuan, perbincangan dan lawatan tapak antara kedua-dua pihak telah dijalankan sepanjang November dan Disember 2012 bagi mejayakan aktiviti perpindahan dan penanaman semula pokok-pokok tersebut. Adalah menjadi harapan PIS agar lebih banyak lagi aktiviti murni seperti ini dijalankan ke arah meningkatkan nilai ekosistem di kawasan Ekotrail PIS seterusnya meningkatkan kelestarian alam.

KOLOKIUUM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

Disediakan oleh: Asniza bt Abu Bakar

Pada 6 Disember 2012, Kolokium Pendidikan Teknik dan Vokasional anjuran Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah berlangsung di Bilik Tayangan Unit Instruksional dan Pembangunan Media. Kolokium ini adalah satu platform pembentangan kertas kerja oleh para pensyarah Politeknik Ibrahim Sultan (PIS). Kolokium ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Pn. Hj. Suzanah binti Hashim di Dewan Kuliah Utama, PIS.

Bertemakan "Pendidikan Teknik dan Vokasional Pemacu Inovasi dan Pembangunan Negara", kolokium ini memberi peluang kepada pensyarah dan para penyelidik PIS untuk berhimpun dalam satu platform perkongsian ilmu dan idea-idea baru melalui pembentangan hasil penyelidikan. Kolokium selama sehari ini menyaksikan seramai sembilan (9) pembentang membentangkan hasil



Urusetia dan AJK Pelaksana Kolokium PTV



Antara peserta sedang membuat pembentangan

kajian serta penulisan mereka berkaitan dengan bidang masing-masing. Panel penilai bagi pembentangan ini adalah terdiri daripada Pn Hj. Siti Zunariah bt Mohd Said, selaku Ketua Jabatan JMSK dan Dr Prasanna Kesavan, Pensyarah Kanan dari Jabatan Pengajian Am, PIS. Di samping menjadi wadah perkongsian ilmu, kolokium ini diharapkan dapat memberi kesempatan kepada para pensyarah menimba pengalaman dalam pembentangan kajian dan hasil kreatif mereka.



KURSUS PENTAULIAHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL 1CITIZEN – KPT ZON SELATAN

Disediakan oleh: Faizatussai'dah binti Mean



Peserta Program Pensijilan Profesional 1Citizen-KPT Peringkat Zon Selatan

Pada 21 hingga 23 Januari 2013 yang lalu telah diadakan satu kursus Training of Trainers (ToT) dan penilaian pentauliah tenaga pengajar bagi program Pensijilan Profesional 1Citizen-KPT peringkat Zon Selatan. Kursus yang berjalan selama tiga hari ini telah diadakan di Makmal CAD 4, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS). Kursus ini telah disertai oleh 36 orang pensyarah yang mewakili 9 politeknik dari zon Selatan termasuk 13 orang pensyarah dari PIS sendiri. Tujuan utama kursus ini adalah sebagai saluran untuk memupuk kesedaran penggunaan teknologi ICT dengan lebih beretika dan bertanggungjawab

kepada keseluruhan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk di politeknik seluruh Malaysia menerusi penggunaan teknologi berkomputer dan media tahap tinggi. Kursus ini telah dilaksanakan oleh pihak Prestariang Sdn. Bhd. yang diketuai oleh En. Easmail bin Mohammad Eastern dan dibantu oleh empat orang pegawai terlatih. Kesemua pensyarah yang menyertai kursus ini telah lulus dalam peperiksaan secara *on-line* yang telah dikendalikan oleh pihak Prestariang. Kelulusan ini melayakkan mereka untuk mendapat pensijilan profesional dan seterusnya menjadi tenaga pengajar bertauliah bagi kursus 1Citizen yang akan dijalankan untuk para pelajar di politeknik masing-masing.

SIDANG REDAKSI

Pengerusi

Tn Hj Azizi bin Lin

Timbalan Pengerusi

Tn Hj Sahul Hamed bin Abdul Wahab
Pn Hj Suzanah binti Hashim

Ketua Editor

Pn Hj Siti Zunariah binti Mohd Said

Penolong Ketua Editor

Pn Umi Kalthom binti Ramin

Editor

Pn Norihan binti Mahmood

Pn Emy Zulyiana binti Mohd Nor

Rekabentuk

Pn Syarifah Hana binti Syed Zubin

Wakil Jabatan/Unit

En Baniamin bin Abu Bakar (PRO)

Pn Ismalyza bt Mt Arif (JRKV)

Pn Nazra bt Aris (JKE)

Pn Mazlina bt Mohd Amin (JPH)

En Yeow Chee Kheong (JPA)

Pn Rohamiah bt Muda (Pruf)

PERTANDINGAN PIALA SERI ENDON 2012

Disediakan oleh: Badrul Hisham bin Shaharin

Pada 2 Disember 2012 yang lalu telah berlangsung pertandingan akhir Piala Seri Endon 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Peserta dari Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah terpilih untuk menjadi finalis dalam beberapa kategori yang dipertandingkan. Peserta yang berjaya ke peringkat akhir terdiri daripada 2 orang pelajar Diploma Rekabentuk Fesyen, 2 orang pelajar Diploma Rekabentuk Industri, 2 orang pensyarah Program Rekabentuk Grafik, 3 orang pensyarah Program Rekabentuk Industri serta seorang pensyarah Program Rekabentuk Fesyen.

Kumpulan P.I.S yang terdiri daripada Badrul Hisham bin Shaharin, Mohd Izswan Bin Mohd Sidik dan Davis Paul A/K Lister telah berjaya mendapat tempat ke-5 dalam



Peserta PIS yang mewakili ke
Pertandingan Piala Seri Endon 2012

kategori Fesyen Batik dan mendapat wang tunai berjumlah RM 5,000, trofi dan sijil penyertaan. Bagi kategori Kemasan Lembut Batik, peserta PIS iaitu kumpulan Betta Splendants (Badrul Hisham bin Shaharin dan Nor Izzati Syazwani binti Ismail) dan kumpulan Elja Design (Rozana Junita binti Abd Rahman dan Erlykartina binti Mohd Zulkipli) memenangi hadiah saguhati dan menerima sebanyak RM 300 berserta sijil penyertaan manakala kumpulan Phenomena (Rozana Junita binti Abd Rahman, Azmerizal bin Azeman, Nurulaini Idaya binti Muhammad dan Abdul Ghaffar bin Ithnin) juga menerima saguhati sebanyak RM 300 dan sijil penyertaan bagi kategori Kraftangan Batik. Penyertaan daripada wakil PIS telah berjaya melonjakkan nama PIS di seluruh Malaysia. Syabas diucapkan kepada peserta-peserta Piala Seri Endon 2012.